
ORIGINAL ARTICLE

**MJSSH**
Muallim Journal of
Social Science and Humanities**PENGARUH BEBANAN KERJA DAN KARENAH PELAJAR DALAM MENYEBABKAN TEKANAN KERJA GURU****INFLUENCE OF WORK LOAD AND STUDENT'S DISCIPLINE IN CAUSING STRESS AMONG TEACHERS****Subhatra Venoo**

Department of Education Management, Binary University of Management & Entrepreneurship, Malaysia. Email: venooanjela@yahoo.com

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/251>**Abstract**

The rapid development in the field of technology that is global in nature has a great impact on the world of education and also the performance of an educator so as to cause stress. Thus, this study aims to identify the factors that cause work stress among national school teachers in the district of Central Melaka. A total of 300 teachers were sampled for the study using a systematic random sampling method. This descriptive survey study uses quantitative methods to analyze the study data. The research instruments were adapted from previous questionnaires such as (TJSQ), (TSI) and (DASS-42). The findings of the study found that the level of work stress of teachers in Central Melaka District is at a moderate level with a mean value of 3.31. Furthermore, the findings show that the two factors, namely workload ($r = .669$) and students discipline ($r = .745$) have a significant relationship in influencing the work stress of teachers. In conclusion, the researcher recommended that the authorities such as KPM, JPN, PPD and school administrators regularly plan emotional management workshops, create conducive working environments and strengthen the teaching profession in order to deal with work stress issues in a more effective way.

Keywords: Stress, Teacher work stress, Work stress factors, Workload, Student discipline, Time Constraints and Lack of Resources

Abstrak

Perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi yang bersifat global memberi kesan yang banyak terhadap dunia pendidikan dan juga prestasi seseorang pendidik sehingga menyebabkan tekanan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru-guru di sekolah kebangsaan Daerah Melaka Tengah. Seramai 300 guru telah dijadikan sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan rawak bersistematis. Kajian berbentuk tinjauan deskriptif ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk menganalisis data kajian. Instrumen kajian diadaptasi daripada soal selidik terdahulu seperti (TJSQ), (TSI) dan (DASS-42). Dapatkan kajian mendapat tahap tekanan kerja dalam kalangan guru-guru di sekolah

kebangsaan Daerah Melaka Tengah berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.31. Seterusnya dapatkan menunjukkan kedua-dua faktor iaitu bebanan kerja (nilai $r = .669$) dan karenah pelajar (nilai $r = .745$) mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi tekanan kerja guru. Kesimpulannya, pengkaji mengesyorkan pihak berwajib seperti KPM, JPN, PPD dan pihak pentadbir sekolah kerap merancang bengkel pengurusan emosi, mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta memperkasakan lagi profesion perguruan agar dapat menangani isu tekanan kerja dengan lebih baik.

Kata Kunci: Tekanan, Stres, Tekanan kerja guru, Faktor-faktor tekanan kerja, Bebanan Kerja, Karenah Pelajar

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 15th May 2023, revised 8th June 2023, accepted 30th June 2023

Pengenalan

Profesion perguruan merupakan bidang yang amat penting dalam mendidik, mengajar dan membentuk sesbuah tamadun, bangsa serta membimbing seorang manusia yang berguna dalam menghadapi kehidupan. Bidang perguruan bukan sahaja untuk mendidik anak murid dengan ilmu akademik, malah ia merangkumi dimensi-dimensi lain bagi melahirkan dan memperkembangkan potensi seseorang individu yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2013)¹.

Sejurus dengan itu, pelbagai transformasi telah berlaku dalam sistem pendidikan sehingga menjadikan profesion perguruan semakin mencabar. Dewasa ini, tugas guru bukannya semata-mata mengajar tetapi merangkumi tugas di luar bidang tugas mereka seperti tugas perkeranian dan juga terpaksa menjalankan tugas di luar waktu persekolahan. Keadaan ini menyebabkan para guru berada dalam keadaan tertekan. Yang paling nyata ialah, profesion perguruan kini dianggap sebagai satu perkhidmatan sosial yang sangat mencabar dan berat untuk dipikul.

Walaupun tekanan adalah sesuatu yang kerap berlaku dalam kalangan manusia disebabkan sesuatu masalah dan bebanan, namun stres dalam kalangan guru-guru di Malaysia perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Hal ini kerana, tekanan dalam kalangan guru secara tidak langsung akan menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan serta membantut usaha KPM dalam mewujudkan modal insan yang mampu membawa Malaysia ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan.

Objektif Kajian

Kajian berfokuskan kepada faktor-faktor penyumbang kepada tekanan kerja guru telah banyak dijalankan secara umum. Namun, bebanan kerja dan karenah pelajar sebagai penentu tekanan kerja masih berada di tangga teratas. Justeru, kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti

tahap tekanan kerja dan sejauh mana faktor bebanan kerja dan karenah pelajar menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru-guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Melaka Tengah.

Meodologi Kajian

Kajian ini ialah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif bagi mengenal pasti dan mengkaji secara empirikal dan juga sistematik hubungan antara boleh ubah kajian iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan kerja dalam kalangan guru-guru. Jumlah keseluruhan populasi kajian ialah 2456 iaitu guru-guru sekolah kebangsaan di Daerah Melaka Tengah. Sampel saiz bagi populasi kajian ini ialah sebanyak 331. Saiz sampel ini diperolehi dengan menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (Krejcie, R.V. & Morgan, D.W., 1970)². Kaedah persampelan kebarangkalian iaitu persampelan rawak sistematis digunakan oleh pengkaji untuk memilih sampel.

Pengkaji telah memilih soal selidik bentuk tertutup sebagai instrumen kajian sebab ia mempunyai keseragaman jawapan, menjimatkan masa dan mudah ditafsir. Soal selidik ini diadaptasi daripada beberapa soal selidik terdahulu dalam bidang kajian ini iaitu **Teacher Job Satisfaction Questionnaire (TJSQ)** oleh (Lester, 1987)³, **Teacher Stress Inventory (TSI)** oleh Boyle et al. (1995) dalam Susanna M. Boshoff, Johan C. Potgieter, Susanna M. Ellis, Kobus Mentz & Leone Malan (2018)⁴ dan **Depressive, Anxiety and Stress Scale 42 items (DASS-42)** versi Malaysia oleh Dr. Ramli Musa (Ramli M, Rosnani S & Aidil Fazrul, 2012)⁵. Seterusnya, soal selidik yang telah diuji nilai kebolehpercayaan telah dimasukkan dalam bentuk *Google Form* dan responden mentadbir sendiri (*self administered survey- SAQ*) soal selidik yang diberi. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* untuk menganalisis data. Analisis korelasi dan analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul.

Analisis dan Dapatkan Kajian

Profil Responden

Instrumen soal selidik telah diedarkan kepada 331 responden yang telah ditetapkan dalam kaedah persampelan. Daripada jumlah tersebut hanya 300 telah dijawab dan dipulangkan untuk dianalisis. Jadual 1 menunjukkan analisis maklum balas yang diterima iaitu 90.6% daripada saiz sampel. Bilangan responden perempuan adalah 194 bersamaan dengan 64.7%. Manakala bilangan responden lelaki ialah 106 iaitu 35.3% daripada jumlah responden.

Jadual 1

Taburan Sampel Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus(%)
Perempuan	194	64.7
Lelaki	106	35.3
Jumlah	300	100.0

Analisis

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan kandungan instrumen kajian telah diperiksa dan disahkan oleh Puan Reza Binti Md Yusof, selaku Ketua Panitia Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Ayer Keroh yang berpengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah selama 28 tahun. Seterusnya, soal selidik ini turut disemak oleh Puan Asmah Binti Mohd Zin yang berpengalaman sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling selama 20 tahun.

Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah ketekalan dalam bagi menentukan pekali kebolehpercayaan iaitu mencari pekali alfa atau dikenali sebagai *Cronbach Alpha* bagi setiap konstruk dan keseluruhan instrumen penilaian tersebut adalah seperti berikut: -

Jadual 2

Jadual Kebolehpercayaan Cronbach Alpha

Bahagian	A (Demografi)	B (Tahap Tekanan Kerja)	C (Faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan kerja)
Jumlah item	6	20	10
Jumlah sampel	30	30	30
<i>Cronbach Alpha</i>	-	0.97	0.98

Analisis Jadual 2 menunjukkan purata nilai pekali Alpha Cronbach melebihi 0.9. Skor yang diperolehi membuktikan bahawa item-item yang dibina mempunyai nilai kepercayaan yang tinggi iaitu pada tahap cemerlang.

Tahap tekanan kerja

Analisis deskriptif ke atas 20 item yang digunakan untuk mengukur tahap tekanan menunjukkan tahap tekanan dalam kalangan guru-guru di Daerah Melaka Tengah berada pada dua tahap yang berbeza iaitu sederhana dan tinggi. Namun, nilai min bagi keseluruhan 20 item adalah 3.31. Jadi secara keseluruhannya, tahap tekanan kerja dalam kalangan guru-guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Melaka Tengah berada pada tahap sederhana. Jadual 3, menunjukkan analisis tahap tekanan berdasarkan bilangan sampel kajian.

Jadual 3:

Analisis Tahap Tekanan Kerja

Tahap Tekanan	n	Peratus (%)
Tahap Tekanan Rendah	15	5%
Tahap Tekanan Sederhana	170	56.7%
Tahap Tekanan Tinggi	115	38.3%
Jumlah	300	100%

Jadual 4:

Taburan Item Mengikut Tahap Skor Min Tinggi

Bil	Penyataan	Min	Sisihan piawai
1	Saya mudah marah.	3.80	0.730
2	Saya berasa sedih dan tertekan.	3.77	0.760
5	Saya berasa sangat penat dari segi rohani, emosi dan fizikal selepas waktu bekerja.	3.85	0.697
10	Saya berasa ketidakpuasan terhadap kerja.	3.84	0.691

Jadual menunjukkan 4 item yang mencatat tahap tekanan tinggi dalam kalangan guru-guru. Bagi setiap pernyataan di atas, lebih daripada separuh responden telah memilih skala lazim dan kerap. Hal ini membuktikan bahawa para responden sering mengalami perasaan marah, sedih dan tertekan. Secara mental dan fizikal mereka berasa sangat penat setelah tamat waktu bekerja. Ada dikalangan guru yang berasa ketidakpuasan terhadap profesion mereka.

Dapatkan kajian bagi objektif pertama ini selari dengan dapatkan kajian oleh Mohd Faizal Hassan, Hamidah Sulaiman dan Ghazali Darusalam (2018)⁶ dalam kajian mereka ke atas guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Jerantut, Pahang turut mendapati bahawa stres guru berada pada tahap sederhana. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Najeemah Mohd Yusof (2011)⁷, Tajulashikin Jumahat, Fazura Mohd Noor, Mohd Burhan Ibrahim (2013)⁸ juga memperolehi hasil kajian yang sama, di mana tahap tekanan kerja dalam kalangan guru berada pada tahap sederhana. Sebaliknya, ada kajian yang memperoleh hasil kajian di mana tahap tekanan kerja dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi. Contohnya, dapatkan kajian Teuta Agai-Demjaha, Jovanka Karadzinska Bislimovska, Dragan Mijakoski (2015)⁹ dan Zahiruddin Othman & Vevehkanandar Sivasubramaniam (2019)¹⁰ menunjukkan bahawa tahap tekanan kerja berada pada tahap tinggi.

Faktor bebanan kerja

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan bagi faktor bebanan kerja ialah 4.36 iaitu berada pada tahap tinggi.

Jadual 5

Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Bebanan Kerja

Bil	Penyataan	Min	Sisihan piawai	Tahap
1	Jumlah waktu mengajar saya terlalu banyak.	4.20	0.838	Tinggi
2	Kerap menjadi guru ganti kerana ketidakhadiran guru lain.	4.36	0.740	Tinggi
3	Terlalu banyak tugas tambahan selain tugas hakiki (perkeranian, pentadbiran, pelbagai jawatan)	4.52	0.637	Tinggi
4	Saya kerap menerima pelbagai arahan yang tidak bermakna dari pihak atasan.	4.34	0.731	Tinggi

5	Saya terpaksa bekerja untuk menyiapkan tugas selepas waktu persekolahan.	4.40	0.693	Tinggi
	Min faktor Bebanan Kerja secara keseluruhan	4.36		Tinggi

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Stewart Kaupa (2020)¹¹, Teuta Agai-Demjaha, Jovanka Karadzinska Bislimovska, Dragon Mijakoski (2015) dan Ooi Chew Hong, Aziah Ismail (2015)¹² di mana kebanyakan guru mengeluh kerana beban kerja yang melampau dan agak berat membawa kepada keletihan fizikal dan mental sehingga menjelaskan prestasi murid. Guru-guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk merancang aktiviti pengajaran disebabkan beban kerja yang berlebihan. Keadaan ini secara tidak langsung memaksa para guru untuk membawa pulang jumlah kerja yang banyak untuk disiapkan.

Jadual 6

Hubungan di antara Faktor Bebanan Kerja dan Tahap Tekanan Kerja

Bebanan Kerja	Pearson Correlation	Bebanan Kerja	Tahap Tekanan
	1		.669**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	300	300

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan korelasi positif dengan nilai $r = .669$ pada aras $P = <.001$. Oleh yang demikian, didapati faktor bebanan kerja mempunyai hubungan signifikan yang kuat terhadap tahap tekanan kerja dalam kalangan guru-guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Melaka Tengah.

Faktor Karenah Pelajar

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan bagi faktor karenah peajar ialah 4.11 iaitu berada pada tahap tinggi.

Jadual 7

Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Karenah Pelajar

Bil	Penyataan	Min	Sisihan piawai	Tahap
6	Mengajar kelas yang pelajarnya kurang memberi tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	4.18	0.849	Tinggi
7	Mengendalikan pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin.	4.10	0.824	Tinggi
8	Pelajar kerap tidak menyiapkan kerja rumah.	4.30	0.717	Tinggi
9	Mengajar kelas yang mempunyai bilangan murid yang terlalu ramai.	3.91	0.898	Tinggi
10	Murid-murid kurang bermotivasi untuk belajar.	4.06	0.842	Tinggi
	Min faktor Karenah Pelajar secara keseluruhan	4.11		Tinggi

Hasil dapatan kajian Zawanah Binti Md Rahani (2015)¹³ dan Suhaimi bin Kamarudin & Muhamad Suhaimi Taat (2020)¹⁴ turut menunjukkan bahawa faktor karenah pelajar menjadi salah satu sebab para guru mengalami tekanan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Ooi Chew Hong, Aziah Ismail (2015) mendapati bahawa faktor karenah pelajar adalah faktor utama yang menyebabkan tekanan dalam kalangan guru-guru.

Jadual 8

Hubungan di antara Faktor Karenah Pelajar dan Tahap Tekanan Kerja

Karenah Pelajar	Pearson Correlation	Karenah Pelajar	Tahap Tekanan
	1		.745 **
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	300	300

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 8 menunjukkan terdapat hubungan korelasi positif dengan nilai $r = .745$ pada aras $P = <.001$. Oleh yang demikian, didapati faktor karenah pelajar mempunyai hubungan signifikan yang kuat terhadap tahap tekanan kerja dalam kalangan guru.

Cadangan Penambahbaikan

Adalah diharapkan dapatan kajian ini akan memberi kefahaman yang lebih baik mengenai tahap tekanan kerja dan faktor-faktor utama yang menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru. Pengurangan tahap tekanan kerja dan cadangan penyelesaian kepada masalah ini tidak dapat dilakukan dalam masa yang singkat, malah ia memerlukan kerjasama pelbagai pihak kerana masalah ini akan memberi kesan kepada pelajar, ibu bapa, sekolah, masyarakat dan sistem pendidikan negara. Pengurusan tekanan melibatkan perubahan dalam tabiat gaya hidup, cara mengurus atau memahami situasi yang menjadi cabaran dan menggunakan sokongan apabila diperlukan. Antara cadangan penambahbaikan yang boleh diamalkan ialah penstrukturkan semula beban tugas guru, mengadakan sesi motivasi untuk para pelajar, memartabatkan profesionalisme perguruan, kerap mengadakan bengkel pengurusan emosi untuk guru dan sebagainya. Langkah pencegahan untuk mengurangkan tahap tekanan kerja dalam kalangan guru perlu diambil kerana pendidik adalah golongan yang akan menentukan masa depan generasi akan datang. Pengorbanan seorang guru adalah tidak terhad. Kestabilan emosi dan fizikal guru amatlah penting untuk kualiti pengajaran yang baik. Jadi, pihak berkuasa perlu mengambil langkah yang wajar agar profesion guru menjadi lebih efisien.

Sumbangan dan Implikasi Kajian

Bahagian ini membincangkan sumbangan kajian ini kepada pihak berwajib seperti KPM, JPN, PPD dan pihak pentadbir sekolah. Kajian ini memberikan KPM gambaran jelas mengenai tahap tekanan kerja dan faktor-faktor penentu tekanan kerja dalam kalangan guru. Justeru, KPM dengan bantuan dan kerjasama JPN, PPD boleh merancang dasar baharu atau merancang program dan aktiviti yang dapat meningkatkan tahap kesejahteraan psikologi para pendidik yang tertekan. Jika, pihak berwajib KPM mengambil langkah permulaan dalam menangani masalah tekanan kerja berpandukan dapatan kajian ini, maka akan wujud para pendidik yang mempunyai kesejahteraan.

psikologi yang tinggi. Seterusnya, kajian ini harap dapat membantu pihak pentadbir dalam menjaga kebijakan para pendidik yang banyak berkorban demi sekolah dan murid. Dengan adanya kajian ini, para pendidik juga boleh merenung situasi yang menyumbang kepada tekanan dan menyelesaiannya dengan cara yang betul pada tahap awal supaya tidak menjadi buruk.

Cadangan kajian lanjut

Kajian ini adalah tinjauan terhadap faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru-guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Melaka Tengah. Kajian akan datang boleh diperluaskan lagi ke sekolah menengah, sekolah swasta dan sekolah luar bandar di negeri Melaka mahupun di negeri-negeri lain. Kajian untuk mengenal pasti kesan tekanan kerja guru juga akan membantu pihak berwajib dalam merangka dasar yang dapat mengurangkan tekanan kerja guru.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap tekanan kerja dalam kalangan guru-guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Melaka Tengah berada pada tahap sederhana. Dua faktor penentu tekanan kerja telah dikenal pasti mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap tahap tekanan kerja guru. Jadi, pihak berwajib harus memandang serius perkara ini dan berusaha untuk mengelakkan wujud keadaan yang lebih buruk. Dengan adanya mekanisme kawalan terhadap tekanan yang dihadapi, seseorang boleh menjadikannya sebagai sumber motivasi untuk berjaya dalam kerjaya. Diharap kajian ini, menjadi panduan dan inisiatif dalam mengurangkan tekanan dan mewujudkan fikiran positif dalam diri seorang guru. Setiap anggota dalam masyarakat harus berganding bahu dengan pihak kementerian dalam mengatasi masalah tekanan kerja dalam kalangan guru kerana guru menyumbang kepada kemakmuran dan keharmonian negara.

References:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) *Malaysia Education Blueprint 2013-2025. Preschool to post-Secondary Education.*
2. Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970) ‘Determining Sample Size for Research Activities’. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), pp.607-610.
3. Lester, P. E. (1987). Development and factor analysis of the Teacher Job Satisfaction Questionnaire (TJSQ). *Educational and Psychological Measurement*, 47(1), pp.223–233.
4. Susanna M. Boshoff, Johan C. Potgieter, Susanna M. Ellis, Kobus Mentz & Leone Malan (2018) ‘Validation of the Teacher Stress Inventory (TSI) in a multicultural context: The SABPA study’. *South African Journal of Education*, Volume 32, Supplement 2.
5. Ramli M, Rosnani S & Aidil Fazrul (2012) ‘Psychometric Profile of Malaysian version of the Depressive, Anxiety and Stress Scale 42 items (DASS-42)’. *Malaysian Journal of Psychiatry*.
6. Mohd Faizal Hassan, Hamidah Sulaiman dan Ghazali Darusalam (2018) ‘Pengaruh Faktor Terpilih Terhadap Stres Peranan Dalam Kalangan Guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Jerantut, Pahang’. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam.*

7. Najeemah Mohd Yusof (2011) ‘School Principals Leadership and Teacher’s Stress Level in Malaysian primary Schools’. *International Journal of Educational Studies*,4(1).
8. Tajulashikin Jumahat, Fazura Mohd Noor, Mohd Burhan Ibrahim (2013) ‘Faktor-faktor Penentu Stres dalam kalangan Guru: Sekolah Rendah Mubarigh Kuala Lumpur’. *Jurnal Kurikulum dan pengajaran Asia Pasifik*, Bil 1 Isu 2.
9. Teuta Agai-Demjaha, Jovanka Karadzinska Bislimovska, Dragon Mijakoski (2015) ‘Level of Work Related Stress among Teachers in Elementary Schools’. *Open Access Macedonian Journal of Medical Sciences*,3(3): pp.484-488.
10. Othman, Z., Sivasubramaniam, V. (2019) ‘Psychological Medicine Depression, Anxiety and Stress among Secondary School Teachers in Klang, Malaysia’. *International Medical Journal*, Vol.26, No.2, pp.71-74.
11. Stewart Kaupa 2020 ‘The Sources and Impact of Stress of Teachers on the Performance of Learners: the view point of the High School Teachers in Khomas Region in Namibia’. *Journal of International Business Research and Marketing*. Volume 5, Issue 4. pp.12-16.
12. Ooi, C.W., Ismail, A. (April 2015) ‘Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Tekanan Kerja Guru di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina’. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Bil 2 Isu 2.
13. Zawanah Binti Md Rahani (2015) *Hubungan antara Faktor Tekanan dengan Kesan Tekanan dan Prestasi Kerja Guru di Sekolah Menengah di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Masters Thesis. Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia.
14. Suhaimi bin Kamarudin & Muhamad Suhaimi Taat (2020) ‘Faktor Tingkah laku Pelajar, Kekangan Masa, Beban Tugas dan Tekanan Kerja dalam Kalangan Guru’. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Volume, Issue 9, pp.114-124.